

Keputusan tidak bertanding pilihan raya muktamad — Dr. M

UMNO 14 OCT 2008
SEPANG 13 Okt. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, pendirian untuk tidak bertanding dalam pilihan raya umum akan datang merupakan keputusan muktamad.

Sehubungan itu, kata Perdana Menteri, beliau tidak akan mengubah keputusannya itu walaupun terdapat permintaan supaya beliau berbuat demikian.

“Saya dah buat keputusan, dah tak boleh berdolak dalik... sudah muktamad,” kata beliau dalam sidang akhbar selepas Majlis Penyerahan Trem Elektrik oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) kepada Paya Indah Wetlands di Dengkil dekat sini, hari ini.

Beliau mengulas kenyataan

Ahli Parlimen Gua Musang, Tengku Razaleigh Hamzah di dalam akhbar hari ini yang meminta Perdana Menteri mengkaji semula keputusannya untuk tidak bertanding dalam pilihan raya umum akan datang berdasarkan kepentingan negara.

Tengku Razaleigh berkata, keputusan itu boleh dikaji semula dan ditarik balik jika pelbagai pihak masih mahukan beliau terus berkhidmat.

Ditanya terdapat individu dan pihak tertentu termasuk UMNO Bahagian Kubang Pasu yang masih mahukan beliau terus bertanding, Dr. Mahathir berkata:

“Sudahlah, dia orang pun mesti terima, satu hari nanti saya kena berhenti juga.”

Perdana Menteri berkata, keputusannya juga boleh memberi peluang kepada orang lain.

“Dah lama saya jadi wakil rakyat, lama dah jadi menteri, timbalan perdana menteri, perdana menteri, bagi *chance* (peluang) kat orang lainlah pula,” kata beliau.

Bagaimanapun, kata Dr. Mahathir, beliau tidak akan bersara sepenuhnya daripada politik kerana mahu membantu UMNO dan Barisan Nasional (BN).

“Saya akan tolong kempen bagi BN... bagi UMNO, saya akan jumpa dengan ahli-ahli, masa saya mungkin lebih panjang lagi daripada sekarang.

“Sekarang, saya tak ada masa lapang, buat kerja banyak sangat,” tambah beliau.